

D488

U B114 AAB DEM
FOKUS - KUBANG PASU

ALOR SETAR, 14 OKT (BERNAMA) -- DATUK HAJI SUDIN WAHAB, PRESIDEN PARTI HIZBUL MUSLIMIN (HAMIM) YANG CUBA MERAMPAS KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DARIPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, TIDAK MUNGKIN AKAN MENANG BUKAN SAJA KERANA BERDEPAN DENGAN ORANG TERKUAT DALAM POLITIK MALAYSIA TETAPI JUGA DISEBABKAN PENDIRIANNYA YANG TIDAK TETAP.

DEMIKIAN KESIMPULAN PARA PEMERHATI POLITIK DI SINI YANG MENYIFATKAN HARAPAN UNTUK MENANG BAGI DATUK SUDIN SEBAGAI HANYA SATU IMPIAN.

+JANGAN KATA NAK MENANG, NAK DAPATKAN BALIK \$5,000 (WANG DEPOSIT) PUN MUNGKIN SUBAH,+ KATA SEORANG PENDUDUK JITRA, SALAH SEBUAH PEKAN YANG SEDANG PESAT MEMBANGUN DI DALAM KAWASAN PARLIMEN YANG DIWAKILI DATUK SERI DR MAHATHIR SEJAK SEKIAN LAMA.

ADA JUGA YANG BERPENDAPAT BAHAWA PENCALONAN DATUK SUDIN DI SITU LEBIH BERMAKSUD UNTUK +HEMANJANGKAN HAYAT HAMIM+, SEBUAH PARTI YANG DITUBUHKAN OLEH BEKAS YANG DIPERTUA AGUNG PAS, DATUK HAJI ASRI MUDA YANG KINI SEORANG ANGGOTA UMNO.

PARA PEMERHATI TERSEBUT JUGA BERKATA KEWIBAWAAN DATUK SUDIN TELAH TERCEMAR SETELAH BELIAU SETUJU BERTANDING DENGAN MENGGUNAKAN LAMBANG SEMANGAT 46. -- LAGI
1720MST 14 10 90

D489

U B115 AAB DEM
FOKUS - KUBANG PASU 2 ALOR SETAR

+MUNGKIN POLITIK CACA MARBA YANG DISEBUT OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR LEBIH DITUJUKAN KEPADA DATUK SUDIN,+ KATA SEORANG PEMERHATI SAMBIL MERUJUK KEPADA KAITAN DATUK SUDIN DENGAN PAS (SEBELUM INI), HAMIM DAN SEMANGAT 46.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK PERLU BERGANTUNG HARAPAN KEPADA +KECACATAN+ YANG TERDAPAT PADA DATUK SUDIN UNTUK MEMBOLEHKAN BELIAU MEMPERTAHANKAN KERUSI KUBANG PASU.

+KETOKOHAN BELIAU SEBAGAI PEMIMPIN YANG DISEGANI BUKAN SAJA DI TANAH AIR MALAH DI SELURUH DUNIA BUDAH CUKUP UNTUK MENEWASKAN LAWANNYA,+ KATA SEORANG PEMERHATI.

SELAIN DARIPADA ITU, PENDUDUK-PENDUDUK KUBANG PASU TIDAK PERNAH DIABAIKAN OLEH WAKIL RAKYAT MEREKA +SEKALIPUN DATUK SERI DR MAHATHIR BEGITU SIBUK DENGAN URUSAN NEGARA+.

BELIAU DIKATAKAN SERING PULANG UNTUK MENEMUI PARA PENDUDUK DI KAWASAN YANG DIWAKILINYA.

RAMALAN AWAL IALAH DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MENANG DENGAN MUDAH. -- BERNAMA
1722MST 14 10 90